



**TATACARA  
PEMILIHAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**SIDANG AKADEMIK  
2022/2023**

**dikeluarkan oleh :**

**Urusetia Pemilihan  
Majlis Perwakilan Pelajar  
Universiti Sains Malaysia**

**17 November 2022**

# **PEMILIHAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR**

## **BAHAGIAN 1**

### **KUASA-KUASA PERLEMBAGAAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (USM) DAN BIDANG KUASA NAIB CANSELOR**

#### **1. Seksyen 70 Perlembagaan USM**

- 1.1. Seksyen 70 Perlembagaan Universiti Sains Malaysia (P.U.(A) 220) memperuntukkan:
- 1.1.1. Pelajar berdaftar Universiti, selain pelajar luar, hendaklah secara bersama menjadi suatu badan yang dinamai Kesatuan Pelajar-Pelajar Universiti (disebut "Kesatuan" dalam perlembagaan ini).
- 1.1.2. Setiap pelajar berdaftar Universiti, selain pelajar luar, hendaklah layak untuk bertanding satu kerusi di dalam Majlis Perwakilan Pelajar (disebut "MPP" dalam Perlembagaan ini) dan mana-mana badan pelajar lain melainkan jika dia hilang kelayakan di bawah subseksyen 70 (9) dan (10).
- 1.1.3. Kesatuan hendaklah memilih MPP, melalui pemilihan rahsia yang dijalankan oleh pegawai yang dilantik oleh Naib Canselor bagi maksud itu mengikut cara berikut:
- (a) pelajar berdaftar setiap Kampus Cawangan, Fakulti atau Pusat Pengajian, Institut, Pusat Akademik, Pusat Penyelidikan dan Akademi hendaklah memilih sebilangan pelajar berdaftar untuk menjadi wakil mereka di dalam MPP sebagaimana yang ditentukan oleh Naib Canselor; dan
- (b) pelajar berdaftar sebagai keseluruhannya hendaklah memilih sebilangan pelajar berdaftar, untuk menjadi wakil mereka dalam MPP sebagaimana yang ditentu oleh Naib Canselor dan bilangan pelajar itu hendaklah, walau bagaimanapun, tidak lebih daripada setengah daripada bilangan wakil yang dipilih di bawah perenggan (a).

#### **2. Kuasa-Kuasa Naib Canselor**

Mengikut keputusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Ke-71 bertarikh 7 Disember 2009, Naib Canselor telah diberi kuasa untuk :

##### **2.1 Membentuk badan seperti:**

- |                                           |                                                                                                        |
|-------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 2.1.1 Majlis Pemilihan Siswa (MPS)        | - Satu badan untuk menggubal dasar dan prosedur Pemilihan MPP                                          |
| 2.1.2 Urus Setia Pemilihan MPP            | - Satu badan membentuk dan menyelia setiap Jawatankuasa Pemilihan MPP                                  |
| 2.1.3 Jawatankuasa Pemilihan MPP          | - Satu badan oleh pelajar untuk melaksana proses Pemilihan MPP                                         |
| 2.1.4 Jawatankuasa Penyiasatan dan Rayuan | - Satu badan bagi membuat penyiasatan berhubung dengan rayuan dan bantahan-bantahan Pemilihan MPP      |
| 2.1.5 Jawatankuasa Audit                  | - Satu badan yang akan mengaudit dan mengesahkan data pemilih dan data penjumlahan Pemilihan MPP       |
| 2.1.6 Jawatankuasa Keutuhan dan Integriti | - Satu badan yang akan mengesahkan ketelusan dan kesahihan Sistem ePilih                               |
| 2.1.7 Jawatankuasa Pemantauan Pemilihan   | - Satu badan yang akan memantau proses pelaksanaan Pemilihan MPP                                       |
| 2.1.8 Jawatankuasa Teknikal Sistem ePilih | - Satu badan yang membangunkan sistem dan mengurus proses pelaksanaan pemilihan melalui Sistem ePilih. |
| 2.1.9 Lain-lain Jawatankuasa              | - Diwujudkan jika perlu oleh Majlis Pemilihan Siswa dalam urusan berkaitan.                            |

2.2 Menentukan kawasan-kawasan Pemilihan MPP.

2.3 Menentukan dasar dan peraturan-peraturan pemilihan MPP.

### **3. Majlis Pemilihan Siswa (MPS)**

- 3.1 Pengerusi Majlis Pemilihan Siswa adalah Naib Canselor.
- 3.2 Majlis Pemilihan Siswa terdiri daripada Setiausaha dan ahli-ahli yang dilantik oleh Naib Canselor.
- 3.3 Setiausaha Majlis Pemilihan Siswa ialah Timbalan Pendaftar Kanan/Timbalan Pendaftar/Ketua Pentadbir, Bahagian Hal Ehwal Pembangunan Pelajar & Alumni.
- 3.4 Ahli-ahli terdiri daripada semua Timbalan Naib Canselor, Dekan-Dekan Pusat Pengajian atau wakilnya, Pendaftar atau wakilnya dan Bendahari atau wakilnya dan wakil Majlis Perwakilan Pelajar bagi sidang sebelumnya.
- 3.5 Majlis Pemilihan Siswa ini akan bertanggungjawab membentuk dasar-dasar dan peraturan-peraturan pemilihan.
- 3.6 Majlis Pemilihan Siswa juga bertanggungjawab terhadap semua perjalanan pemilihan MPP di Konstituensi Pusat Pengajian dan Konstituensi Umum.
- 3.7 Naib Canselor boleh membatalkan pemilihan atau menangguhkan pemilihan sekiranya terdapat kes-kes yang melanggar peraturan-peraturan pemilihan atau apa-apa cadangan daripada Jawatankuasa Penyiasatan dan Rayuan.
- 3.8 Mesyuarat Majlis Pemilihan Siswa perlu diadakan sekurang-kurangnya sekali dalam setiap Sidang Akademik.
- 3.9 Korum keahlian ialah 1/3 keahlian semasa.
- 3.10 Mesyuarat Majlis Pemilihan Siswa hendaklah dipanggil oleh Pengerusi atau Setiausaha Majlis Pemilihan Siswa.

### **4. Urus Setia Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar**

- 4.1 Majlis Pemilihan Siswa akan membentuk Urus Setia Pemilihan bagi menjalankan segala urusan pembentukan dan menyelia semua jawatankuasa yang diketuai oleh pelajar sepanjang tempoh pemilihan MPP berlangsung.
- 4.2 Urus Setia Pemilihan terdiri daripada seorang Pengerusi, Setiausaha dan ahli-ahli yang dilantik oleh Pengerusi Majlis Pemilihan Siswa (MPS).
- 4.3 Urus Setia Pemilihan ini akan dipengerusikan Timbalan Pendaftar (Hal Ehwal Pembangunan Pelajar & Alumni) dan Setiausaha adalah

daripada pegawai yang dilantik daripada Bahagian Hal Ehwal Pembangunan Pelajar & Alumni.

- 4.4 Ahli-ahlinya terdiri daripada semua Pegawai Bahagian Hal Ehwal Pembangunan Pelajar & Alumni Kampus Induk dan Kampus Cawangan, Penggawa-Penggawa, Ketua Penolong Pendaftar/Penolong Pendaftar Kanan/Penolong Pendaftar Pusat Pengajian Kampus Induk/Cawangan, Jabatan Pembangunan, Jabatan Keselamatan, Ketua Pegawai Maklumat Pusat Pengetahuan Komunikasi dan Teknologi (PPKT), Ketua Unit Berkaitan dan wakil Pejabat Perundangan.
- 4.5 Pengerusi Urus Setia Pemilihan dikenali sebagai Pengerusi Urus Setia Pemilihan. Manakala Setiausaha Urus Setia Pemilihan dikenali sebagai Setiausaha Urus Setia Pemilihan.
- 4.6 Pengerusi dan Setiausaha Pemilihan mempunyai kuasa di dalam mengeluarkan arahan-arahan, pemberitahuan dan apa-apa prosedur yang berkait dengan perjalanan pemilihan sekiranya Jawatankuasa Pemilihan MPP tidak dapat menyelesaikan perkara berbangkit.
- 4.7 Bagi melaksanakan Pemilihan MPP, jawatankuasa ini boleh membentuk Jawatankuasa Kerja seperti berikut mengikut kesesuaian:
  - a) Jawatankuasa Kerja Pentadbiran, Tatacara Pemilihan dan Bilik Gerakan.
  - b) Jawatankuasa Kerja Daftar pemilih
  - c) Jawatankuasa Penamaan Calon
  - d) Jawatankuasa kerja Petugas Pusat Pemilihan
  - e) Jawatankuasa Kerja Pengangkutan, Logistik dan Teknikal
  - f) Jawatankuasa Kerja Siaraya, Teknikal dan Fizikal
  - g) Jawatankuasa Kerja Rapat Umum
  - h) Jawatankuasa Kerja Keselamatan
  - i) Jawatankuasa Kerja Jamuan
  - j) Jawatankuasa Kerja Tugas-tugas khas dan Dokumentasi
  - k) Lain-lain Jawatankuasa sekiranya perlu

### **5. Jawatankuasa Pemilihan MPP**

- 5.1 Urus Setia Pemilihan MPP akan membentuk Jawatankuasa Pemilihan MPP bagi menjalankan pemilihan MPP di Kampus Induk, Kampus Kejuruteraan dan Kampus Kesihatan.
- 5.2 Keahlian Jawatankuasa Pemilihan MPP adalah dalam kalangan pelajar universiti yang terdiri seorang Pengerusi jawatankuasa, Setiausaha dan ahli-ahli yang dilantik oleh Pengerusi Majlis

- Pemilihan Siswa bagi Kampus Induk, Kampus Kejuruteraan dan Kampus Kesihatan.
- 5.3 Ahli-ahlinya terdiri daripada sekumpulan Pelajar Universiti yang dilantik berdasarkan kriteria yang ditetapkan oleh Urus Setia Pemilihan MPP.
- 5.4 Pengerusi dan Setiausaha Pemilihan akan bertanggungjawab menentukan tempat pemilihan, Ketua Pusat Pemilihan, kakitangan pemilihan, dokumentasi-dokumentasi pemilihan yang diperlukan dan segala peralatan yang berkaitan dengan pelaksanaan pemilihan.
- 5.5 Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan dikenali sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan. Manakala Setiausaha Jawatankuasa Pemilihan dikenali sebagai Setiausaha Jawatankuasa Pemilihan.
- 5.6 Pengerusi Jawatankuasa dan Setiausaha Pemilihan mempunyai kuasa dalam mengeluarkan arahan-arahan, pemberitahuan dan apa-apa prosedur yang berkait dengan perjalanan pemilihan dengan seliaan Pengerusi dan Setiausaha Urus Setia Pemilihan MPP.
- 5.7 Bagi melaksanakan Pemilihan MPP, jawatankuasa ini boleh membentuk Jawatankuasa Kerja seperti berikut mengikut kesesuaian:
- Jawatankuasa Kerja Pentadbiran, Tatacara Pemilihan dan Bilik Gerakan.
  - Jawatankuasa Kerja Daftar pemilih
  - Jawatankuasa Penamaan Calon
  - Jawatankuasa kerja Petugas Pusat Pemilihan
  - Jawatankuasa Kerja Pengangkutan, Logistik dan Teknikal
  - Jawatankuasa Kerja Siaraya, Teknikal dan Fizikal
  - Jawatankuasa Kerja Rapat Umum
  - Jawatankuasa Kerja Keselamatan
  - Jawatankuasa Kerja Jamuan
  - Jawatankuasa Kerja Tugas-tugas khas dan Dokumentasi
  - Lain-lain Jawatankuasa sekiranya perlu
- 6.2 Jawatankuasa ini akan dipengerusikan oleh seorang Pelajar Universiti yang dilantik oleh Pengerusi Majlis Pemilihan Siswa dan dianggotai oleh beberapa orang Pelajar Universiti yang mana kriterianya mengikut cadangan Urus Setia Pemilihan Pelajar.
- 6.3 Dalam menjalankan tugasnya, Jawatankuasa ini diberi kuasa untuk memanggil mana-mana pegawai atau kakitangan pelajar yang terlibat berhubung dengan bantahan perjalanan pemilihan kawasan berkenaan, untuk mendapatkan maklumat dan fakta-fakta bagi membantu penyiasatannya dan membuat keputusan berhubung dengan bantahan tersebut. Segala keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Penyiasat dan Rayuan ini adalah muktamad.
- 6.4 Jawatankuasa ini juga boleh membuat suatu arahan kepada mana-mana Urus Setia Pemilihan berkenaan bahawa mana-mana Server/Peralatan Elektronik atau kertas pemilihan atau dokumen-dokumen lain berhubung dengan pemilihan tersebut disalin atau diserahkan kepada jawatankuasa ini bagi membolehkan suatu penyiasatan dibuat.
- 6.5 Jawatankuasa ini akan menyampaikan segala laporan dan keputusan berhubungan dengan penyiasatannya kepada Pengerusi Majlis Pemilihan Siswa yang kemudiannya akan mengarahkan Jawatankuasa Pemilihan MPP melakukan tindakan selanjutnya sesuai dengan keputusan yang dibuat oleh jawatankuasa ini.
- 6.6 Dalam menjalankan tugasnya, jawatankuasa ini berhak dan menggunakan mana-mana peraturan atau akta atau undang-undang negara dalam membuat keputusan berhubungan dengan suatu penyiasatan yang dipertanggungjawabkan kepadanya.

## 7. Jawatankuasa Audit

- 7.1 Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa Audit hendaklah dilantik oleh Pengerusi Majlis Pemilihan Siswa dalam kalangan Pelajar Universiti selain daripada anggota jawatankuasa di bawah Perkara (3) dan (4) tatacara ini.
- 7.2 Seorang Setiausaha hendaklah dilantik oleh Pengerusi dalam kalangan Pelajar Universiti.
- 7.3 Fungsi dan kuasa Jawatankuasa Audit adalah:
- Mengesahkan data pemilih
  - Mengesahkan data penjumlahan pemilihan.
  - Menghendaki mana-mana orang untuk mengesahkan dan memperakurkan sistem pemilihan.
  - Membuat pemeriksaan sistem pemilihan di kawasan pemilihan sekurang-kurangnya sekali sebelum pemilihan bermula.

- e) Menentukan prosedur pengauditan.
- f) Mengemukakan cadangan kepada Urus Setia Pemilihan MPP mengenai apa-apa kelemahan atau penambahbaikan yang perlu dibuat sepanjang perjalanan pemilihan.

- 7.4 Pengesahan yang dibuat oleh Jawatankuasa Audit mengenai data pemilih dan data penjumlahan pemilihan adalah muktamad.
- 7.5 Jawatankuasa ini akan menyampaikan segala laporan dan keputusan berhubungan dengan penyiasatannya kepada Pengerusi Majlis Pemilihan Siswa yang kemudian akan mengarahkan Jawatankuasa Pemilihan MPP melakukan tindakan selanjutnya sesuai dengan keputusan yang dibuat oleh jawatankuasa ini.

## 8. Jawatankuasa Keutuhan dan Integriti

- 8.1 Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa Pemantauan Pemilihan hendaklah dilantik oleh Pengerusi Majlis Pemilihan Siswa dalam kalangan Pelajar Universiti selain daripada anggota jawatankuasa di bawah perkara (3) dan (4) Tatacara ini.
- 8.2 Fungsi dan kuasa jawatankuasa ini adalah:
  - a) Mengesahkan Sistem ePilih adalah telus, sahih dan boleh dipercayai.
  - b) Memastikan Sistem ePilih berfungsi dengan baik semasa proses pemilihan diadakan.
  - c) Jawatankuasa ini bertanggungjawab terus kepada Naib Canselor.
  - d) Mengeluarkan Sijil Pengesahan, Integriti dan Kebolehpercayaan Sistem ePilih.

## 9. Jawatankuasa Pemantauan Pemilihan

- 9.1 Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa Pemantauan Pemilihan hendaklah dilantik oleh Pengerusi Majlis Pemilihan Siswa dalam kalangan Pelajar Universiti selain daripada anggota jawatankuasa di bawah perkara (3) dan (4) Tatacara ini.
- 9.2 Fungsi dan kuasa jawatankuasa ini adalah:
  - a) Memantau perjalanan kempen Pemilihan MPP.
  - b) Memantau Proses Pemilihan sepanjang Pemilihan MPP.
  - c) Mengemukakan cadangan kepada Urus Setia Pemilihan MPP mengenai apa-apa kelemahan atau penambahbaikan yang perlu dibuat sepanjang perjalanan pemilihan.

## 10. Jawatankuasa Teknikal Sistem ePilih

- 10.1 Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa Teknikal Sistem ePilih hendaklah dilantik oleh Pengerusi Majlis Pemilihan Siswa dalam kalangan Pelajar Universiti selain daripada anggota jawatankuasa di bawah perkara (3) dan (4) Tatacara ini.
- 10.2 Fungsi dan kuasa jawatankuasa ini adalah:
  - a) Memantau pembangunan sistem ePilih bagi melaksanakan Pemilihan MPP.
  - b) Memastikan sistem ePilih dilaksanakan dengan lancar.
  - c) Bertanggungjawab sepenuhnya terhadap perkara-perkara teknikal sistem ePilih dengan kerjasama Pusat Pengetahuan Komunikasi dan Teknologi (PPKT).

## 11. Kawasan Pemilihan

- 11.1 Seksyen 70 Perlembagaan Universiti telah menetapkan wujudnya dua konstituensi Pemilihan MPP iaitu bagi Konsituensi Umum dan Konstituensi Pusat Pengajian.
- 11.2 Naib Canselor diberi kuasa untuk menentukan jumlah kerusi pemilihan untuk kedua-dua konstituensi tersebut.
- 11.3 Majlis Pemilihan Siswa diberi kuasa untuk menjalankan pemilihan bagi kedua-dua Konstituensi Umum dan Pusat Pengajian seperti di Perkara 13.1.
- 11.4 Kampus Induk adalah termasuk selain daripada Kampus Induk iaitu Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT) di Bertam Kepala Batas, Institut Pengajian Siswazah (IPS) di Kuala Lumpur (USM IPS@KL) dan USM Politeknik Port Dickson, Negeri Sembilan.

- 11.5 Kampus Cawangan adalah merujuk kepada Kampus Kejuruteraan, Nibong Tebal, Pulau Pinang dan Kampus Kesihatan, Kubang Kerian, Kelantan.
- 11.6 Kampus USM-KLE India adalah merujuk kepada Kampus USM di Karnataka Lingayat Education (KLE), India.

## 12. Undang-Undang dan Peraturan Pemilihan

- 12.1 Undang-undang dan penentuan pemilihan yang digunakan bagi tujuan pemilihan untuk Konstituensi Umum dan Konstituensi Pusat Pengajian adalah seperti yang telah digubal dan diluluskan oleh Majlis Pemilihan Siswa.
- 12.2 Hak merujuk dan memakai peraturan ini adalah hak Majlis Pemilihan Siswa dan segala keputusan adalah muktamad.

12.3 Majlis Pemilihan Siswa boleh mengubah atau meminda apa-apa undang-undang atau peraturan pemilihan dari semasa ke semasa.

### 13. Tafsiran

13.1 "Pemilih" ertinya seorang pelajar berdaftar dan layak untuk memilih dalam pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar.

13.2 "Pelajar Berdaftar" ertinya seseorang pelajar yang mengikuti kursus pengajian di Universiti untuk suatu ijazah atau diploma termasuk diploma lepas ijazah, tetapi tidak termasuk seorang pelajar luar [Seksyen 70 (15) Perlembagaan USM (P.U.(A) 220)].

13.3 "Pelajar Luar" ertinya seseorang pelajar berdaftar di kampus di luar Malaysia atau pelajar yang mengikuti suatu program jangka pendek, program sambilan, pembelajaran jarak jauh, program pertukaran atau bersekutu, sama ada di dalam atau di luar Malaysia.

13.4 "Sistem ePilih" ertinya sistem pemilihan elektronik yang digunakan sebagai kaedah yang ditentukan oleh Majlis Pemilihan Siswa bagi melaksana Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar.

13.5 "Sistem ePemilih" adalah daftar pemilih secara elektronik.

13.6 "Pekerja" ertinya mana-mana orang yang diambil kerja oleh Universiti di bawah Perlembagaan USM atau mana-mana statut.

### 14. Daftar Pemilih

Urusetia Pemilihan adalah bertanggungjawab untuk menyediakan dan menyemak daftar-daftar pemilih untuk digunakan di dalam Pemilihan MPP.

### 15. Susunan Nama-Nama

Nama-nama pemilih di dalam daftar pemilih adalah diatur mengikut susunan abjad.

### 16. Kelayakan Pemilihan

16.1 Setiap pemilih berdaftar adalah layak untuk memilih bagi Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar.

16.2 Pelajar yang menangguh pengajian/cuti dengan kebenaran tidak layak untuk memilih bagi Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar.

16.3 Pelajar yang digantung pengajian tidak layak untuk memilih bagi Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar.

16.4 Pelajar yang dikenakan tindakan tatatertib tidak layak untuk memilih bagi Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar.

## BAHAGIAN 2

### NOTIS MENGENAI PEMILIHAN

#### 17. Notis

17.1 Urusetia Pemilihan hendaklah menyarkan suatu notis Pemilihan MPP di papan-papan kenyataan di dalam Universiti atau risalah-risalah rasmi Universiti.

17.2 Notis ini hendaklah menyatakan tarikh:-

17.2.1 Hari mengambil borang Penamaan Calon

17.2.2 Hari Penamaan Calon

17.2.3 Hari Pemilihan

17.2.4 Perkara-perkara lain tentang pemilihan

17.3 **Hari Penamaan** hendaklah tidak kurang daripada dua (2) hari selepas tarikh notis (termasuk hari penamaan dan tidak termasuk hari cuti) disiarkan.

17.4 **Hari Pemilihan** hendaklah dijalankan tidak kurang daripada tiga (3) hari dari hari penamaan calon (termasuk hari penamaan dan hari cuti).

#### 18. Pembubaran MPP

18.1 Dengan keluarnya notis Pemilihan MPP ini, dengan tersendirinya terbubar Majlis Perwakilan Pelajar sedia ada.

**BAHAGIAN 3**  
**JUMLAH PERWAKILAN**

**19. Jumlah Perwakilan Yang Akan Dipertandingkan**

19.1 Jumlah Kerusi bagi Konstituensi Pusat-Pusat Pengajian ialah sebanyak tiga puluh lima (35) buah dan kerusi untuk Konstituensi Umum ialah sepuluh (10) buah. Agihan kerusi adalah seperti berikut:

KERUSI		BILANGAN KERUSI YANG DIPERUNTUKKAN
I	KONSTITUENSI PUSAT PENGAJIAN	
(a)	<b>Kerusi Ijazah Pertama</b>	
1	Sains Kimia	1
2	Sains Kajihayat	1
3	Sains Matematik	1
4	Sains Fizik	1
5	Ilmu Kemanusiaan	2
6	Ilmu Pendidikan	2
7	Sains Kemasyarakatan	2
8	Pengurusan	2
9	Komunikasi	1
10	Seni	1
11	Perumahan, Bangunan & Perancangan	1
12	Teknologi Industri	1
13	Sains Farmasi	1
14	Sains Komputer	1
15	Bahasa, Literasi & Terjemahan	1
16	Sains Perubatan	2
17	Sains Kesihatan	2
18	Sains Pergigian	1
19	Kejuruteraan Elektrik & Elektronik	1
20	Kejuruteraan Bahan & Sumber Mineral	1
21	Kejuruteraan Mekanik	1
22	Kejuruteraan Awam	1
23	Kejuruteraan Kimia	1
24	Kejuruteraan Aeroangkasa	1
<b>JUMLAH</b>		<b>30</b>
(b)	<b>Kerusi Ijazah Tinggi</b>	
1	Kampus Induk	3
2	Kampus Kejuruteraan	1
3	Kampus Kesihatan	1
	<b>JUMLAH</b>	<b>5</b>

II	KONSTITUENSI UMUM	BILANGAN KERUSI YANG DIPERUNTUKKAN
1	Kampus Induk (Ijazah Pertama)	6
2	Kampus Kejuruteraan (Ijazah Pertama)	1
3	Kampus Kesihatan (Ijazah Pertama)	1
4	Kampus KLE India (Ijazah Pertama)	1
5	Ijazah Tinggi (Ketiga-tiga Kampus)	1
	<b>JUMLAH</b>	<b>10</b>
	<b>JUMLAH BESAR</b>	<b>45</b>

19.2 Pemilihan bagi sepuluh (10) buah kerusi Konstituensi Umum dibahagi seperti berikut:

- (a) Ijazah Pertama
  - (i) USM Kampus Induk - 6 buah kerusi
  - (ii) USM Kampus Kejuruteraan - 1 buah kerusi
  - (iii) USM Kampus Kesihatan - 1 buah kerusi
  - (iv) USM-KLE India - 1 buah kerusi
- (b) Ijazah Tinggi
  - Ijazah Tinggi untuk ketiga-tiga kampus (Induk, Kejuruteraan dan Kesihatan) - 1 buah kerusi

**JUMLAH** **10 buah kerusi**

19.3. Pencalonan dan pemilihan bagi enam (6) kerusi Konstituensi Umum di Kampus Induk Pulau Pinang hanya terbuka kepada pelajar-pelajar berdaftar Ijazah Pertama di Kampus Induk sahaja.

19.4. Pencalonan dan pemilihan bagi satu (1) kerusi Konstituensi Umum untuk Kampus Kejuruteraan hanya terbuka kepada pelajar-pelajar berdaftar ijazah Pertama di Kampus Kejuruteraan sahaja.

19.5. Pencalonan dan pemilihan bagi satu (1) kerusi Konstituensi Umum bagi untuk Kampus Kesihatan hanya terbuka kepada pelajar-pelajar berdaftar Diploma dan Ijazah Pertama di Kampus Kesihatan sahaja.

19.6. Pencalonan dan pemilihan bagi satu (1) kerusi Konstituensi Umum untuk Kampus USM-KLE India hanya terbuka kepada pelajar-pelajar berdaftar Ijazah Pertama di Kampus USM-KLE India sahaja.

19.7. Pencalonan dan pemilihan bagi satu (1) kerusi Konstituensi Umum untuk Ijazah Tinggi hanya terbuka kepada pelajar-pelajar berdaftar Ijazah Tinggi di ketiga-tiga Kampus (Kampus Induk, Kampus Kejuruteraan dan Kampus Kesihatan) sahaja.

- 19.8 Pencalonan dan pemilihan bagi Konstituensi Pusat-pusat Pengajian hanya terhad kepada pelajar-pelajar berdaftar dari Pusat-pusat Pengajian yang berkenaan sahaja.
- 19.8.1 Pelajar-pelajar USM-KLE India hanya boleh memilih untuk kerusi Umum sahaja seperti di Perkara 13.1.5 dan tidak boleh memilih untuk kerusi Konstituensi Pusat Pengajian Sains Perubatan di Kampus Kesihatan, Kelantan.
- 19.9 Pencalonan dan pemilihan bagi tiga (3) kerusi Konstituensi Ijazah Tinggi Kampus Induk hanya terhad kepada pelajar-pelajar berdaftar Ijazah Tinggi dari Kampus Induk sahaja.
- 19.10 Pencalonan dan pemilihan bagi satu (1) kerusi Konstituensi Ijazah Tinggi Kampus Kejuruteraan hanya terhad kepada pelajar-pelajar berdaftar Ijazah Tinggi dari Kampus Kejuruteraan sahaja.
- 19.11 Pencalonan dan pemilihan bagi satu (1) kerusi Konstituensi Ijazah Tinggi Kampus Kesihatan hanya terhad kepada pelajar-pelajar berdaftar Ijazah Tinggi dari Kampus Kesihatan sahaja.

#### **BAHAGIAN 4**

#### **PENCALONAN**

##### **20. Calon**

Pelajar-pelajar berdaftar sepenuh masa Diploma, Ijazah Pertama dan Ijazah Tinggi dari semua Pusat Pengajian bolehlah mengemukakan pencalonan diri masing-masing untuk bertanding dalam Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP).

##### **21. Syarat Menjadi Calon**

- 21.1 Hanya pelajar-pelajar yang berdaftar sepenuh masa sahaja (sila lihat perkara 7.2) boleh dicalonkan untuk bertanding dalam Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar.
- 21.2 Tiada seorang pelajar pun yang prosiding tata tertib terhadapnya masih belum selesai atau yang telah didapati bersalah atas suatu kesalahan tata tertib boleh bertanding melainkan jika dibenarkan secara bertulis oleh Naib Canselor.

- 21.3 Seseorang pelajar Ijazah Pertama yang belum menduduki peperiksannya yang pertama di Universiti bagi kursus pengajian yang diikutinya atau yang telah gagal dalam atau yang tidak menduduki peperiksaan yang baru berlalu yang diadakan oleh Universiti bagi kursus pengajian itu diikutinya sebaik sahaja sebelum suatu pemilihan atau pemilihan-pemilihan yang dicadangkan bagi MPP atau oleh MPP atau oleh mana-mana badan pelajar yang lain, hilang kelayakan untuk dicalonkan dalam pemilihan atau pemilihan-pemilihan itu.
- 21.4 Seseorang pelajar Sains Perubatan Kampus Kesihatan / Kampus USM-KLE India dan Sains Pergigian yang hendak menjadi calon pemilihan, mereka hendaklah tidak pernah gagal dalam mana-mana peperiksaan termasuk selanjur dan ikhtisas.
- 21.5 Hanya pelajar Ijazah Pertama yang mendapat **PNGK 2.75** dan ke atas sahaja yang layak menjadi calon.
- 21.6 Hanya pelajar Ijazah Tinggi (Mod Campuran dan Kerja Kursus) yang mendapat **PNGK 3.0** dan ke atas layak menjadi calon.
- 21.7 Untuk pelajar Ijazah Tinggi yang mengikuti Mod Penyelidikan yang hendak menjadi calon perlu mengemukakan Laporan Penyelia berdasarkan Perkembangan/Kemajuan Penyelidikan Keseluruhan berasaskan **Skala 1 hingga 5** dalam Sistem Laporan Kemajuan di Portal *CampusOnline*.
- 21.8 Seseorang pelajar Ijazah Tinggi yang belum menduduki peperiksannya yang pertama di Universiti bagi kursus pengajian yang diikutinya layak menjadi calon dengan menggunakan keputusan semasa di Ijazah Pertama. Hanya pelajar yang mendapat keputusan **PNGK 3.00** dan ke atas layak menjadi calon.

#### **BAHAGIAN 5**

#### **KAEDAH-KAEDAH PENAMAAN CALON**

##### **22. Kaedah Penamaan Calon**

- 22.1 Seseorang pelajar hanya layak menjadi calon bagi satu (1) kerusi konstituensi pertandingan sahaja iaitu sama ada untuk kerusi Konstituensi Umum ataupun kerusi Konstituensi Pusat Pengajian.
- 22.2 Seseorang calon untuk kerusi Konstituensi Pusat Pengajian yang tertentu hendaklah terdiri daripada pelajar-pelajar yang berdaftar dalam Konstituensi Pusat Pengajian yang berkenaan.

- 22.3 Seseorang calon Ijazah Pertama untuk Konstituensi Umum mestilah terdiri daripada pelajar-pelajar berdaftar Ijazah Pertama sahaja di Kampus Induk untuk kerusi Konstituensi Umum di Kampus Induk, di Kampus Kejuruteraan untuk kerusi Konstituensi Umum di Kampus Kejuruteraan, di Kampus Kesihatan untuk kerusi Konstituensi Umum di Kampus Kesihatan dan di Kampus USM-KLE India untuk kerusi Konstituensi Umum di Kampus USM-KLE India (**Pelajar-pelajar Ijazah Tinggi tidak layak untuk menjadi calon kerusi Umum Ijazah Pertama**).
- 22.4 Seseorang calon Konstituensi Umum Ijazah Tinggi mestilah terdiri daripada pelajar-pelajar berdaftar Ijazah Tinggi sahaja dari mana-mana kampus (Kampus Induk, Kampus Kejuruteraan dan Kampus Kesihatan).
- 22.5 Seseorang calon Konstituensi Pusat Pengajian Ijazah Tinggi (kampus) mestilah terdiri daripada pelajar-pelajar berdaftar Ijazah Tinggi mengikut kampus masing-masing.
- 22.6 Tiap-tiap calon mestilah mempunyai seorang pencadang dan dua (2) orang penyokong.
- 22.7 Seseorang calon bagi sesuatu Konstituensi tidak layak menjadi pencadang atau penyokong calon yang lain di dalam Konstituensi yang calon tersebut bertanding atau Konstituensi yang lain.
- 22.8 Pencadang dan penyokong bagi seseorang calon untuk sesuatu Konstituensi Pusat Pengajian yang tertentu hendaklah terdiri daripada pelajar-pelajar Konstituensi Pusat Pengajian yang berkenaan.
- 22.9 Pelajar-pelajar Sains Perubatan USM-KLE India tidak boleh menjadi pencadang dan penyokong untuk kerusi Pusat Pengajian Perubatan di Kampus Kesihatan, Kelantan.
- 22.10 Pelajar-pelajar USM yang berada di USM Politeknik Port Dickson, Negeri Sembilan hanya akan memilih untuk Kerusi Umum Induk dan Kerusi Konstituensi Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan.
- 22.11 Pencadang dan penyokong bagi seorang calon untuk Konstituensi Umum Ijazah Pertama hendaklah terdiri daripada pelajar-pelajar Ijazah Pertama yang berdaftar di kampus-kampus di mana kerusi tersebut dipertandingkan.
- 22.12 Pencadang dan penyokong bagi seorang calon untuk Konstituensi Umum Ijazah Tinggi hendaklah terdiri daripada pelajar-pelajar Ijazah Tinggi yang berdaftar di ketiga-tiga kampus (Kampus Induk, Kejuruteraan dan Kesihatan).
- 22.13 Seseorang pelajar hanya dibenarkan mencadang atau menyokong seorang calon sahaja bagi Pemilihan di peringkat Konstituensi Umum atau Konstituensi Pusat Pengajian.
- 22.14 Semua penamaan calon hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang Penamaan Calon yang rasmi, yang boleh didapati di **Laman Sesawang Bahagian Hal Ehwal Pembangunan Pelajar & Alumni (BHEPA)** sebelum hari penamaan calon.
- 22.15 Pelajar yang hendak menjadi calon perlu mengisi lengkap borang penamaan calon. Pelajar tersebut juga **WAJIB** mendapat pengesahan daripada Dekan Pusat Pengajian bagi pelajar-pelajar yang akan bertanding untuk Konstituensi Pusat Pengajian dan mendapatkan pengesahan daripada Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pembangunan Pelajar & Alumni) untuk pelajar-pelajar yang akan bertanding untuk Konstituensi Umum. Walau bagaimanapun, Pengurus MPS mempunyai kuasa di dalam pengesahan calon sekiranya terdapat masalah di dalam pengesahan calon.
- 22.16 Borang Penamaan Calon yang telah lengkap diisi berserta gambar rasmi calon perlu dimuat naik ke dalam sistem ePilih Campus Online pada hari penamaan calon
- 22.17 Setiap pelajar perlu mengisi dengan lengkap kesemua Borang Penamaan Calon dan perlu mendapatkan pengesahan daripada Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pembangunan Pelajar & Alumni)/Pengarah Kampus, Dekan Pusat Pengajian/Penyelia Utama, Penggawa Desasiswa/Timbalan Pendaftar Pusat Perumahan & Penginapan Universiti sebelum hari penamaan calon. Proses pengisian dan pengesahan Borang Penamaan Calon tidak boleh dilakukan pada hari penamaan calon. Sekiranya proses pengisian dan pengesahan Borang Penamaan Calon dilakukan pada hari penamaan calon, pencalonan tersebut akan ditolak.
- 22.18 Keterangan-keterangan yang tidak benar yang dikemukakan dalam borang penamaan calon atau status pelajar meragukan boleh menyebabkan pencalonan tersebut tidak sah dan seseorang calon itu boleh ditolak daripada bertanding dalam Pemilihan MPP. Sebarang bantahan berhubung penamaan calon hendaklah dibuat secara bertulis kepada Pengurus Jawatankuasa Pemilihan MPP dalam tempoh satu (1) jam selepas proses penamaan calon ditutup. Hanya calon sahaja boleh membuat bantahan terhadap calon lain.

- 22.19 Seseorang calon hanya dibenarkan menarik diri secara rasmi dari pertandingan Pemilihan MPP selewat-lewatnya jam 6.00 petang pada hari penamaan calon. Penarikan diri selepas tarikh dan masa ini tidak akan dilayan.
- 22.20 Sekiranya selepas penamaan calon ditutup, didapati jumlah calon bagi satu Konstituensi yang tertentu itu berkebetulan sama dengan jumlah kerusi-kerusi yang dipertandingkan, Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan akan mengisyiharkan calon-calon yang yang bertanding sebagai menang tanpa bertanding.
- 22.21 Sekiranya jumlah calon melebihi jumlah kerusi yang dipertandingkan bagi satu Konstituensi yang tertentu itu, Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan MPP akan mengarahkan supaya pemilihan dijalankan.
- 22.22 Sekiranya terdapat bilangan calon kurang daripada jumlah kerusi yang dipertandingkan untuk satu (1) Konstituensi yang tertentu, Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan akan mengisyiharkan calon-calon berkenaan menang tanpa bertanding dan mengarahkan supaya pemilihan seterusnya diadakan semula bagi memenuhi kerusi-kerusi yang kosong dan akan diadakan tidak lewat daripada satu (1) bulan selepas pemilihan pertama diadakan.
- 22.23 Dalam keadaan di mana tiada calon bagi jumlah kerusi yang akan dipertandingkan untuk satu (1) Konstituensi yang tertentu, Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan akan mengisyiharkan tiada calon yang akan bertanding dan mengarahkan supaya pemilihan seterusnya diadakan semula bagi memenuhi kerusi-kerusi yang kosong dan akan diadakan tidak lewat daripada satu (1) bulan selepas pemilihan pertama diadakan.
- 22.24 Dalam keadaan di mana satu kerusi/kerusi-kerusi tidak juga dipenuhi selepas pemilihan kedua diadakan di bawah Perkara 22.22 atau Perkara 22.23, Naib Canselor akan melantik seorang wakil/wakil-wakil dalam kalangan pelajar daripada Konstituensi-Konstituensi tersebut untuk menduduki dalam Majlis Perwakilan Pelajar.

## **BAHAGIAN 6**

### **PERATURAN-PERATURAN BERKEMPEN**

#### **23. Peraturan Berkempen**

##### **23.1 Kawasan Berkempen**

Kawasan kempen hanya terhad kepada kawasan Kampus Universiti Sains Malaysia iaitu Kampus Induk, Kampus Cawangan dan Kampus USM-KLE India.

#### **23.2 Kempen Bermula dan Berakhir**

MPS menurunkan kuasa kepada Urusetia Pemilihan MPP untuk menentukan bila kempen pemilihan akan bermula dan berakhir.

#### **23.3 Pertandingan Secara Individu**

- 23.3.1 Calon-calon hanya dibenarkan bertanding secara individu. Platform-platform (kumpulan) tertentu tidak dibenarkan dan pelajar-pelajar diingatkan bahawa manifesto, gambar, poster, *banner* dan sebagainya untuk individu sahaja boleh dibenarkan untuk diedarkan dengan kebenaran Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan MPP.
- 23.3.2 Sekiranya Urusetia Pemilihan mendapat maklumat dan bukti yang secukupnya bahawa ada calon-calon yang telah berkempen secara kumpulan (platform), Urusetia Pemilihan berhak membuat keputusan untuk semua calon yang terlibat tidak akan dibenarkan untuk bertanding dalam pemilihan ataupun akan dibatalkan keputusan pemilihannya di mana calon-calon tersebut bertanding.
- 23.3.2 Setiap calon hendaklah berkempen secara berhemah dalam apa jua bentuk kempen dan mengelakkan sebarang provokasi yang mampu mengganggu ketenteraman kampus dan orang perseorangan di dalam kampus.

#### **23.4 Kempen Diri**

- 23.4.1 Calon-calon wajib mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan oleh kerajaan/ Majlis Keselamatan Negara (MKN) sepanjang berkempen secara fizikal di dalam kampus.
- 23.4.2 Perjumpaan memperkenalkan diri calon yang bertanding boleh diadakan oleh pihak Urus Setia Pemilihan jika perlu.
- 23.4.3 Calon-calon boleh berkempen dalam Pusat Pengajian atau Dewan Kuliah dengan kebenaran dan kelulusan Dekan Pusat Pengajian dan budi bicara Pensyarah yang berkenaan. Hanya calon sahaja yang dibenarkan untuk berkempen di dalam Dewan Kuliah atau Bilik Tutorial.

23.4.4	Kempen memperkenalkan diri calon dan wakilnya di setiap Desasiswa perlu mendapat kelulusan dan kebenaran Penggawa Desasiswa atau Penolong Penggawa yang diturunkan kuasa dan dipersetujui mengikut budi bicara Penggawa atau Penolong Penggawa Desasiswa yang berkenaan.	23.5.5	Tindakan tatatertib akan diambil ke atas orang perseorangan yang cuba menurunkan poster atau merosakkan poster semasa berkempen.
23.4.5	<b>23.6 Risalah</b>		
23.4.6	Calon-calon dan wakilnya dilarang membuat kecaman-kecaman peribadi terhadap mana-mana orang perseorangan dan Universiti. Tindakan tatatertib boleh diambil terhadap calon berkenaan dan wakilnya jika terdapat aduan berhubung dengan perkara tersebut.	23.6.1	Calon-calon boleh mencetak dan menyebarkan risalah mengenai dirinya atau tujuan kenapa beliau bertanding dalam Pemilihan MPP. Segala bentuk risalah yang bersifat mengkritik pihak pentadbiran Universiti, atau peribadi calon-calon lain adalah tidak dibenarkan dan boleh dikenakan tindakan tatatertib.
23.4.7	Tiada seorang calon boleh menerbitkan, membahagi atau mengedarkan apa-apa dokumen di dalam atau di luar kampus, kecuali dibenarkan oleh Pengerusi Urusetia Pemilihan.	23.6.2	Semua bentuk risalah yang hendak dicetak dan diedarkan perlu mendapatkan kelulusan daripada Jawatankuasa Pemilihan MPP.
23.5	<b>Poster</b>	23.6.3	Risalah-risalah yang disertakan gambar calon-calon yang bertanding dalam bentuk berkumpulan atau memperlihatkan adanya kumpulan atau platform dilarang sama sekali. Tindakan akan dikenakan ke atas calon-calon berkenaan di mana gambar-gambar mereka terdapat dalam risalah-risalah yang diedarkan kepada pemilih.
23.5.1	Poster calon dan kain rentang akan disediakan endiri oleh calon-calon yang bertanding. Setiap poster dan kain rentang perlu mendapat kelulusan Jawatankuasa Pemilihan MPP.	23.6.4	Calon-calon hendaklah memastikan semua risalah yang dihebahkan dikemaskin tepat jam 12.00 tengah malam sebelum Hari Pemilihan di sekitar kawasan kampus.
23.5.2	Poster-poster tidak dibenarkan dilekatkan di bangunan/harta benda Universiti.	23.6.5	Calon-calon yang disabitkan di atas kesalahan seperti perkara 23.6.1, 23.6.2 dan 23.6.3 dan didapati bersalah akan dibatalkan keputusan Pemilihan di mana beliau bertanding.
23.5.3	Calon-calon hendaklah memastikan segala poster atau sepanduk yang dipasang bagi pihaknya ditanggalkan tepat jam 12.00 tengah malam sebelum Hari Pemilihan, ini termasuklah tali, sisa-sisa tali ikatan, paku dan lain-lain.	23.6.6	Calon-calon atau wakil-wakil calon yang menerbit atau menyebarkan risalah-risalah tanpa kebenaran boleh disabitkan kesalahannya menerbitkan dokumen-dokumen dilarang seperti diperuntukkan di bawah Kaedah-Kaedah Universiti Sains Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999. [P.U.(A) 266/1999].
23.5.4	Calon-calon adalah dikehendaki mematuhi peraturan yang dinyatakan di atas. Sekiranya terdapat calon-calon yang tidak mematuhi peraturan di atas, tindakan tatatertib akan dikenakan. Kain rentang dan poster yang berkenaan boleh diturunkan/ditanggalkan serta merta oleh pihak Jawatankuasa Pemilihan atau pihak Jabatan Keselamatan Universiti Sains Malaysia tanpa memberikan apa-apa notis kepada calon-calon.	23.7 Media Sosial	
		23.7.1	Calon-calon atau wakil-wakil calon boleh berkempen menggunakan media sosial bagi memperkenalkan diri calon.

- 23.7.2 Kempen di dalam media sosial boleh memaparkan gambar calon-calon yang bertanding dan tujuan kenapa beliau bertanding dalam Pemilihan MPP. Segala bentuk kampen yang bersifat mengkritik pihak pentadbiran Universiti atau peribadi calon-calon lain dan menyentuh isu-isu sensitif berkaitan perkauman dan agama adalah tidak dibenarkan dan boleh dikenakan tindakan tatatertib.
- 23.7.3 Calon-calon perlu mendaftar akaun media sosial milik peribadi ataupun akaun media sosial yang dicipta bagi tujuan berkampen kepada Jawatankuasa Pemilihan MPP bagi tujuan memantau pada tempoh berkampen dan masa akhir untuk memuat naik bahan kampen di media sosial adalah pada 12 tengah malam sebelum Hari Pemilihan.
- 23.7.4 Calon-calon yang didapati bersalah atau tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh Urusetia Pemilihan seperti perkara 23.7.2 dan perkara 23.7.3 akan dibatalkan keputusan Pemilihan di mana beliau bertanding.

### **23.8 Perbelanjaan Pemilihan**

Calon hendaklah menanggung perbelanjaan pemilihan. Calon tidak dibenarkan mendapat sebarang bantuan daripada pihak dalam dan luar Universiti Sains Malaysia.

### **23.9 Tindakan Tatatertib**

- 23.9.1 Tiap-tiap calon dan sesiapa juu yang bertindak atau berkelakuan bersalahan dengan peraturan kampen ini atau mana-mana peraturan boleh dikenakan tindakan ini di bawah Kaedah-Kaedah Universiti Sains Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999. [P.U.(A) 266/1999].
- 23.9.2 Majlis Pemilihan Siswa (MPS) Universiti Sains Malaysia boleh memperakukan sebarang tindakan yang patut diambil oleh pihak Tatatertib jika sesuatu aduan atau kejadian yang mudarat kepada kepentingan umum berlaku yang berpunca dari calon atau penyokongnya.

## **BAHAGIAN 7**

### **KAEDAH-KAEDAH PEMILIHAN**

#### **24. Cara Pemilihan**

##### **24.1 Sistem Pemilihan**

sepenuhnya Pemilihan MPP akan dilaksanakan secara dalam talian menggunakan Sistem ePilih Campus Online.

##### **24.2 Sistem ePilih**

- 24.2.1 Sistem ePilih adalah kaedah pemilihan yang digunakan bagi melaksana Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar.
- 24.2.2 Sistem ePilih akan berfokus kepada proses pemilihan kepada pemilih untuk memilih calon-calon melalui Sistem ePilih dan proses pengiraan juga menggunakan sistem yang sama.
- 24.2.3 Proses penamaan calon juga menggunakan sistem ePilih.
- 24.2.4 Sistem ePilih boleh diakses dalam Campus Online semua pelajar USM.

##### **24.3 Proses Pemilihan**

Proses Pemilihan adalah Pemilihan yang diadakan pada hari bekerja yang ditetapkan oleh Majlis Pemilihan Siswa di Kampus Induk, Kampus Kejuruteraan, Kampus Kesihatan dan Kampus USM-KLE India.

##### **24.4 Hari Pemilihan melalui Sistem ePilih di Kampus Induk dan Kampus Cawangan**

- 24.4.1 Pemilih akan memilih pada Hari Pemilihan yang akan diadakan mengikut ketetapan Majlis Permilihan MPP menggunakan Sistem ePilih.
- 24.4.2 Pemilihan cara ini diberi kepada semua Pemilih menggunakan platform Campus Online.
- 24.4.3 Pemilih yang layak memilih akan diberikan capaian paparan Sistem ePilih melalui platform Campus Online.
- 24.4.4 Pemilih akan diberikan capaian dan paparan sistem yang mengandungi pilihan calon bagi Konstituensi Pusat Pengajian dan Konstituensi Umum.

- 24.4.5 Pemilih akan memilih secara rahsia calon pilihan mereka dengan cara menanda/klik dalam ruangan yang disediakan.
- 24.4.6 Pemilih yang telah selesai memilih perlu menghantar atau klik HANTAR/SUBMIT pilihan yang telah dibuat.
- 24.4.7 Sekiranya pemilih memilih kurang atau lebih calon yang telah ditetapkan, pemilih tidak akan dapat menghantar atau klik HANTAR/SUBMIT.
- 24.4.8 Sekiranya pemilih tidak menekan klik HANTAR/SUBMIT pilihan yang telah dibuat pemilih memilih untuk meninggalkan Sistem ePilih tanpa sebarang pilihan maka secara automatik pilihan konstituensi tersebut terbatal.

#### **24.5 Penutupan Sistem ePilih**

- 24.5.1 Ketua Pusat Pemilihan akan menutup Sistem ePilih tepat pada masa yang telah ditetapkan.
- 24.5.2 Jawatankuasa Pemilihan MPP dengan kehadiran calon atau wakil calon akan menyaksikan penutupan Sistem ePilih yang digunakan.

### **BAHAGIAN 8**

#### **PROSES DAN KADEAH-KADEAH MENGIRA PEMILIHAN**

##### **25. Pengiraan Pemilihan**

###### **25.1 Pusat-Pusat Penjumlahan**

Pusat Penjumlahan bagi Pemilihan MPP akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Pemilihan MPP.

###### **25.2 Sistem Penjumlahan Sistem ePilih**

- 25.2.1 Pengiraan akan dijalankan secara elektronik sepertimana yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pemilihan MPP.
- 25.2.2 Jawatankuasa Pemilihan MPP akan menjumlahkan keseluruhan pemilihan yang diterima melalui Sistem Penjumlahan ePilih.

- 25.2.3 Jawatankuasa Pemilihan MPP akan mencetak keputusan yang telah diterima untuk disemak serta disahkan oleh Jawatankuasa Audit.

##### **25.3 Individu Yang Dibenarkan Masuk Ke Kawasan Mengira Pemilihan**

- 25.5.1 Kawasan Mengira Pemilihan tidak akan dibuka kepada orang ramai kecuali kepada calon yang bertanding ataupun mereka yang telah menerima jemputan khas dari Jawatankuasa Pemilihan MPP untuk menyaksikan upacara pengiraan. Jika tidak, orang-orang yang berikut sahaja dibenarkan masuk ke dalam kawasan tersebut, iaitu:
  - 25.3.1.1 Jawatankuasa Pemilihan MPP
  - 25.3.1.2 Kakitangan Universiti dan Jawatankuasa Urus Setia Pelajar yang
  - 25.3.1.3 Pembantu-pembantu Pengiraan; dan
  - 25.3.1.4 Calon-calon dan wakil-wakil calon yang telah ditentukan jumlahnya.

- 25.5.2 Tiap-tiap seorang pegawai dan wakil calon akan diberikan oleh pihak Jawatankuasa satu kad kebenaran bagi maksud pengenalan diri.

##### **25.4 Wakil Calon Untuk Menyaksikan Proses Mengira Pemilihan**

Setiap seorang calon Konstituensi Umum dan Konstituensi Pusat Pengajian boleh melantik wakil calon bagi mengawasi proses pengiraan pemilihan manual.

###### **25.5 Kaedah Pengiraan**

###### **25.5.1 Pengiraan Sistem ePilih**

- 25.5.1.1 Penjumlahan Pemilihan bagi Sistem ePilih akan menggunakan sepenuhnya Sistem Elektronik yang akan dikendalikan sepenuhnya oleh Jawatankuasa Pemilihan MPP dan keputusan adalah mutlamad. Tiada pengiraan semula untuk Sistem ePilih.

25.5.1.2 Penjumlahan Pemilihan ePilih akan dipantau oleh Jawatankuasa Keutuhan dan Integriti Sistem ePilih bagi memastikan ketelusan Sistem ePilih.

25.5.1.3 Jawatankuasa Pemilihan MPP akan mencetak keputusan pemilihan dengan dipantau oleh Jawatankuasa Keutuhan dan Integriti Sistem ePilih dan keputusan pemilihan akan disahkan oleh Jawatankuasa Audit dan diserahkan kepada Jawatankuasa Pemilihan.

## BAHAGIAN 9

### AM

#### 26. Am

Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan MPP mempunyai kuasa untuk mengeluarkan atau membuat sebarang pindaan terhadap mana-mana terma-terma, arahan-arahan, pemberitahuan dan apa-apa prosedur yang berkaitan dengan Tatacara Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar ini.

### 25.6 Mengumumkan Keputusan Pemilihan

25.6.1 Semasa mengumumkan keputusan pemilihan, Jawatankuasa Pemilihan MPP akan mengumumkan jumlah pemilihan muktamad yang diperolehi oleh semua calon dan seterusnya mengisyiharkan calon (calon-calon) yang menang.

25.6.2 Sekiranya keputusan penjumlahan pemilihan mempunyai dua (2) atau lebih calon yang berjaya yang sama jumlah pemilihannya, keputusan penjumlahan pemilihan Sistem ePilih tidak akan dikira semula.

25.6.3 Naib Canselor akan menentukan keputusan menurut budi bicara bagi membuat keputusan kepada calon yang berjaya.

### 25.7 Bantahan Pemilihan

25.7.1 'Bantahan Pemilihan' maknanya satu proses bantahan yang dibuat oleh calon-calon atau pemilih terhadap proses-proses perjalanan pemilihan yang melanggar-melanggar apa tatacara pemilihan yang terdapat di dalam tatacara pemilihan MPP yang dilakukan oleh calon-calon yang tersebut atau oleh mana-mana pihak.

25.7.2 Setiap calon atau pemilih boleh mengemukakan bantahan pemilihan dengan cara menulis dengan disertakan bukti-bukti mereka kepada Pengerusi MPS selewat-lewatnya sebelum tujuh (7) hari selepas Hari Pemilihan.